



SEMINAR KEBANGSAAN  
ADAT PEPATIH &  
WILAYAH BUDAYA  
NEGERI SEMBILAN  
3 - 5 • MEI • 1984

DI UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA  
SERDANG, SELANGOR.

Secebis Mengenai:

Adat Papatih, Nilai dan  
Falsafahnya.

Oleh: YB Tan Sri Dato' Abdul Samad  
bin Idris.



Anjuran Bersama:

Universiti Pertanian Malaysia,  
Kerajaan Negeri Sembilan, dan  
Kementerian Kebudayaan, Belia  
dan Sukan, Malaysia.

## SECEBIS MENGENAI: ADAT PEPATIH, NILAI DAN FALSAFAHNYA

---

Sebelum saya menghuraikan dengan lebih lanjut berhubung dengan Adat Papatih, Nilai dan Falsafahnya, ada baiknya saya bentangkan di sini terlebih dahulu perkara yang sering menjadi kekeliruan bagi kebanyakan orang yang tidak mendalami apakah sebenarnya yang dikatakan 'adat' itu, supaya dapat kita menafaatkan 'sudah terang lagi bersuluh'.

Tidak sedikit orang yang keliru mengenai dengan istilah 'adat ini. Bila disebut saja 'adat' fikiran orang ramai tertumpu terus kepada apa yang disebut 'adat istiadat' yang kebiasaan atau yang lazim kita lihat dan lakukan seperti adat nikah kahwin, adat bercukur anak, adat pinang mempinang dan lain-lain seumpamanya - termasuklah juga adat istiadat yang berkaitan dengan Istana dan Raja-Raja.

Satu lagi perkataan yang lazim kita sebut ialah 'adat resam', tetapi ada juga orang yang memisahkan dua perkataan ini - adat dan resam. Kononnya adat resam tidak sama maksud dan ertinya dengan 'adat atau resam'. Ianya adalah berlainan pada sifat dan arah maknanya.

Jika kita tilik secara yang agak mendalam sedikit pendapat yang kedua ada juga benarnya, kerana adat dan resam itu adalah berbeza maksud dan sifatnya. Sebaliknya jika ditinjau dari sudut dan pandangan yang pertama, bahawa adat itu hanyalah merupakan 'kebiasaan' seperti adat istiadat tadi, maka 'adat resam' itu tidak boleh dipisahkan tentang maksud dan sifatnya, malah ia dapat dikatakan sama.

Sebaliknya jika kita kaji secara yang agak lebih mendalam lagi berhubung dengan istilah apa yang dikatakan 'adat' itu, nyatalah adat dan resam itu berbeza dalam maksud dan sifatnya.

Di bawah ini saya akan cuba huraikan serba sedikit untuk renungan dan pertimbangan kita bersama. Adat pada umumnya adalah satu-satu amalan yang ghalib atau biasa dilakukan oleh satu-satu kelompok masyarakat dalam mengatur cara hidupnya sehari-hari. Dari bilangan atau kelompok yang kecil akhirnya menjadi besar dengan bilangan manusia semakin membiak maka lahirlah apa yang disebutkan negeri atau negara.

Manusia semakin hari semakin pandai dan bertamaddun telah menggunakan akal dan fikirannya mengatur cara hidup mereka dengan menjadikan adat dan kebiasaan itu untuk mentadbirkan negeri dan negaranya.

Begitu jugalah dengan Adat Papatih yang telah diwarisi dan dipesakai dari nenek moyang orang-orang Melayu di Negeri Sembilan yang dibawa oleh orang-orang Minangkabau. Adat Papatih ini bukan sahaja menjadi resam dan kebiasaan bagi orang-orang Melayu di Negeri Sembilan dalam percaturan hidup bermasyarakat sehari-hari, malah lebih dari itu Adat Papatih adalah 'hukum' yang terjelma dalam sistem sosial masyarakatnya di samping dipakai juga dalam pentadbiran negeri, seperti yang diperkuatkan dalam perbilangan:

Biar mati anak jangan mati adat  
Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan  
Dianjak layu, dicabut mati  
Gemuk berpupuk segar bersiram  
Berjenjang naik, bertangga turun  
Patah tumbuh hilang berganti  
Pesaka bergilir, seka berwaris  
Adat bersendi hukum, hukum bersendi kitabullah  
Syarak mengata, adat mengikut (perbilangan ini  
lahir setelah orang-orang Minangkabau memeluk agama  
Islam).

Adat Papatih sekaligus adalah peraturan hidup bermasyarakat dan berpolitik serta pentadbiran negara yang terjalin dengan konsep demokrasi. Konsep demokrasi dalam Adat Papatih ini amat jelas dinyatakan :-

Bulat air kerana pembetung  
Bulat kata kerana muafakat  
Ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni  
Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.

Pepatah petiti dan perbilangan yang sering diungkapkan bukanlah kata-kata kosong semata-mata untuk indah didengar saja bak kata orang 'indah khabar dari rupa', tetapi adalah satu peraturan yang menjadi pegangan dan hukum dalam sistem sosial masyarakatnya. Oleh itu sekiranya ada tanggapan yang menyebut Adat Papatih terlalu mengongkong cara hidup bermasyarakat dalam masyarakatnya, hanyalah dibuat melalui penilaian yang amat negatif seperti 'menyelam air dalam tunggak'.

#### Peranan Penjajah

Sebelum penjajah Inggeris mempengaruhi pentadbiran Negeri Sembilan, Adat Papatih adalah sumber rujukan segala peraturan dalam sistem sosial masyarakatnya. Atau sekarang lebih dikenali sebagai undang-undang yang mengatur cara pentadbiran politik dan hidup bermasyarakat.

Adat Papatih juga telah mengajar manusia dalam sistem pentadbiran berdemokrasi dan paling ulung di dunia ini. Pepatah yang menyebut 'berjenjang naik bertanggung turun' itu agak jelas mencerminkan betapa kentalnya sistem demokrasi dituntut dalam pentadbiran Adat Papatih. Malah amalan demokrasi itu dipraktikkan dalam menyusun pentadbiran

negeri seperti perbilangannya:-

Bulat anak buah menjadikan Buapak

Bulat Buapak menjadikan Lembaga

Bulat Lembaga menjadikan Penghulu/Undang

Bulat Penghulu/Undang menjadikan Raja.

Pepatah petiti dan perbilangan itu adalah hukum adat (undang-undang) yang menjadi pegangan dalam memutuskan satu-satu perkara berbangkit. Tetapi setelah INGgeris mencampuri pentadibran negara maka undang-undang British telah dipakai sehingga pentadbiran mengikut sistem Adat Papatih itu hilang dan dilenyapkan. Yang tinggal hanyalah 'adat istiadat' yang dipakai sewaktu nikah kahwin, pembahagian pesaka, adat di istana, istiadat mengadap raja dan seumpamanya saja.

Hinggalah sekarang generasi muda telah terbawa-bawa membuat tafsiran bahawa Adat Papatih ini sudah ketinggalan zaman, usang dan lapuk. Anggapan ini dipandang dari satu sudut memang kedapatan benarnya. Saya tidaklah menyalahkan mereka kerana sebenarnya mereka tidak tahu apa itu 'Adat Papatih'. SEbab itulah dalam pepatah petiti Melayu ada disebutkan 'tak kenal maka tak cinta' - disebabkan mereka tidak kenal Adat Papatih maka kerana itulah mereka tidak menyintainya!

Memang tidak dapat dinafikan ada di antara peraturan-peraturan adat itu yang agak usang dan semestinya diganti atau diperbaiki. Adat itu sendiri telah mengungkapi:

Yang buruk diperbarui

Yang usang diganti

Ibu adat itu muafakat.

Di sini tidak timbul anggapan ia 'dibuang' atau dicampakkan ke tepi, sebaliknya dinilai semula supaya: yang baik dicepatkan biar bertambah baik, yang buruk dilambatkan biar dapat baiknya semula.

Hidup kita di zaman moden ini pun, undang-undang dan peraturan yang dibuat adalah sentiasa dipinda dan diperbaharui, malah ada yang dibuang langsung, kerana semuanya adalah ciptaan manusia. Oleh itulah ianya perlu disesuaikan dengan peredaran zaman yang serba maju ini.

Begitu jugalah halnya dengan Adat Papatih itu sendiri. Ia sudah melalui proses alam kira-kira lima abad lamanya. Apa yang terjadi dan berlaku 400 atau 500 tahun yang lalu, sudah pasti tidak sama dengan apa yang terjadi dalam kurun duapuluh ini. Orang-orang tua dulu telah melakukan beberapa perubahan bila orang-orang Minangkabau telah memeluk agama Islam dengan menambah: adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah.

Tadi saya katakan, sebelum negeri kita dijajah Inggeris dalam akhir kurun yang lalu, Adat Papatih adalah menjadi pegangan dalam sistem pentadbiran Negeri Sembilan, baik dari segi melantik pembesar-pembesar negeri, hukum jenayah, pembahagian pesaka dan lain-lain umpamanya. Semuanya berpandukan dan didasarkan menurut adat, pepatah petiti, perbilangan itu telah menjadi panduan dalam hukum beradat.

Satu contoh bagaimana tingginya nilai-nilai falsafah adat ini, dapat kita perhatikan dalam ungkapan pepatah:

Kerbau tak berkandang, seladang  
Padi tak berpagar, lalang.

Cubalah tafsirkan perbilangan ini! Bagi saya kata-kata ini amat tinggi nilainya. Jika anak-anak buah memegang dan mempraktikkan kata-kata ini, nescaya mereka tidak akan menemui sebarang pertengkaran dan pergaduhan dekat rumah dan dekat kampung, kerana :

Yang memiliki kerbau harus dikandang  
Yang memiliki sawah padi harus dipagar.

Dalam pada itu terjadi juga sesuatu yang tidak diingini, kerbau terlepas dari kandang, pagar sawah roboh dirempuh kerbau, padi jiran dimakan juga oleh sang kerbau; maka di sini barulah berdirinya adat (undang-undang). Pemegang adat iaitu Datuk-Datuk Lembaga atau Datuk-Datuk Penghulu akan menjatuhkan hukuman yang setimpal dan adil.



Lebih jauh dari itu ungkapan tersebut membawa pengertian yang lebih simbolik terhadap manusia sejagat. Selagi kita hidup sebagai manusia mestilah terlingkung dalam peraturannya:

Rumah nan berketak

Tangga nan berlamah

Jangka nan berelak.

Sekiranya tidak mengikuti peraturan adat maka samalah ertinya dengan 'seladang' yang tidak berkandang, atau 'sawah padi' yang tidak berpagar.

Bagaimanapun seseorang Penghulu atau Lembaga mestilah berdiri di atas benar. Mereka tidak boleh bersikap 'limau masam sebelah', kerana adat telah menetapkan :

Adat teluk timbunan kapah

Adat gunung timbunan kabus

Adat bukit timbunan angin

Adat pemimpin tahan diuji.

Setiap masalah yang diuji kepada seseorang pemimpin itu tidak seharusnya menjadikan mereka hilang punca, misalnya dialahkan oleh sogokan rasuah, sehingga keadilan diketepikan. Sebaliknya seseorang pemimpin hendaklah menyelesaikan sebarang persengkitaan:

Macam menarik rambut dalam tepung

Rambutnya jangan putus

Tepungnya jangan berserak,

Kalau keruh dijernihkan

Kalau kusut diusaikan

Sebab itulah seseorang pemimpin dalam adat itu mempunyai ciri-ciri yang bolen memberi tauladan kepada kepimpinannya:

Pikie palito hati

Nanang hulu bicaro

Haniang seribu aka

Dek saba, bana mendatang

(Maksudnya:

Fikir pelita hati

Tenang punca bicara

Hening seribu akal

Kerana sabar, benar mendatang)

Seperti saya jelaskan tadi, seseorang Penghulu atau Lembaga tidak boleh bersikap 'limau masam sebelah, atau perahu karam sekerat' dalam menjalankan keadilan adat. Mereka tidak boleh menjadikan diri masing-masing 'puar condong ke perut, kena ke perut dikempiskan, kena ke mata dipejamkan'. Di sini amat jelas membuktikan keadilan dalam satu-satu peristiwa yang berlaku sehingga setiap pemegang teraju adat mesti mengamalkan:

Biar mati anak jangan mati adat  
Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan  
Dianjak layu, dicabut mati.

Walaupun anak sendiri yang melakukan kesalahan, ia juga mesti dihukum menurut besar kecil kesalahannya itu. Kerana adat itu adalah undang-undang maka ia mesti dipertahankan seperti diungkapkan:

Gemuk berpupuk  
Segar bersiram  
Terkilan anak buah, mengadu  
Terkilan Tua Waris, memanggil.

Bagi saya, saya mesti memberikan tabek hormat Kepada Dato' Perpatih Nan Sebatang dan Dato' Ketemenggungan yang telah menyusun dan mengatur adat ini dengan begitu indah dan tersusun rapi.

Jika kita bawa ingatan kita di zaman 500 tahun yang lalu di mana manusia belum tahu menulis dan membaca, belum ada sekolah baik rendah mahu pun tinggi; kedua-dua adik beradik Pepatih dan Ketemenggungan (Temenggung) dan tentunya dibantu oleh orang-orangnya telah dapat menyusun adat bermasyarakat dan bernegara yang begitu indah tersusun rapi dan tinggi nilai dan falsafahnya.

Kalau di zaman moden sekarang, kita tidak hairan kerana manusia telah melalui alam persekolahan hingga ke puncaknya, begitu pun nilai dan falsafah Adat Papatih ini sukar bagi kita untuk mencari dan melihat kesalahannya, kecuali apa yang saya sebutkan di atas tadi, jika kita tidak mendalaminya.

### Keadilan Dalam Adat

Demikian juga yang diamalkan dalam Adat Papatih bila mengadili sesuatu kesalahan ada disebutkan:

Luka congek

Pecah berdarah

Cacat cida

Sawan gila.

Maksudnya kalau kesalahan itu kecil maka dendanya tentulah ringan. Misalnya kalau seseorang itu bergaduh hingga menyebabkan 'luka congek' yakni luka ringan saja, maka dendanya bukanlah seekor kambing. Boleh jadi seekor ayam atau berselesai bermaaf-maafan saja (atau disebut juga saluallah nabi). Begitu jugalah seterusnya.

Sebaliknya mereka yang tidak tahu tentang Adat Papatih selalunya mengaitkan adat itu dengan perbuatan peribadi seseorang. Kita ambil contoh dengan tohmah dari segelintir

orang yang mendakwa berkahwin dengan gadis-gadis Negeri Sembilan segala harta akan dibawa balik ke kampung.

Mungkin perkara ini pernah dilakukan oleh orang-orang perseorangan, tetapi di dalam Adat Papatih tidak ada sebaris pun hukum adatnya menyebut perkara tersebut. Bagaimanapun mengenai perselisihan suami isteri berhubung dengan harta amat jelas disebutkan:

Dapatan tinggal

Carian dibahagi

Pembawaan kembali.

Maksudnya - harta yang didapati oleh si suami dari isterinya sebelum mereka menikah "seperti barang-barang perhiasan) hendaklah ditinggalkan menjadi milik mutlak isteri, sementara hartat yang diperolehi semasa mereka menjadi suami isteri (misalnya rumah, tanah dan sebagainya) hendaklah dibahagi sama rata.

Manakala harta suami sebelum mereka menjadi suami isteri (seperti kereta, pakaian dan lain-lain) hendaklah dikembalikan kepada pihak lelaki, kecuali kalau dengan sukarela diserahkan oleh si lelaki kepada bekas isterinya itu.

Oleh itu tidak timbul langsung mengenai takrif bahawa wanita-wanita Negeri Sembilan membawa harta benda suaminya balik ke kampung sehingga menyebabkan suaminya menjadi papa kedana. Di dalam Adat Papatih tidak ada hukum mengatakan pihak isteri boleh mengambil harta pihak suami dengan paksaan.

Pandangan serong terhadap masyarakat Negeri Sembilan ini tidak seharusnya diletakkan kesalahannya kepada Adat Papatih. Kelakuan serta peribadi orang-orang perseorangan bukanlah mewakili keseluruhan masyarakatnya. 'Seekor kerbau membawa lumpur, takkan semuanya terpalit'.

Di sinilah letaknya peranan 'tempat semenda' dan 'orang semenda'. Mungkin peranan dua pihak inilah yang selalunya menjadi salah tafsir bila dikatakan:

Orang semenda disuruh pergi,  
dipanggil datang  
Raja orang semenda, tempat semenda.

Dari sedutan itu anggapan 'orang semenda' iaitu lelaki yang berkahwin dengan wanita-wanita Negeri Sembilan adalah mengikut telunjuk keluarga isterinya adalah tidak benar. Tetapi sebaliknya, orang semenda dan tempat semenda itu ada pula pantang larangnya seperti, sudah diberi diambil balik, ertinya isteri yang telah dikahwininya itu disuruh bercerai dengan tidak bersebab.

Padahal sebelum seseorang semenda itu diterima menyembenda dalam sesatu suku itu, tempat semenda telah berkebulatan dan berkerapatan ketika 'mengembang cincin' dalam waktu ini buruk baiknya telah dikaji belaka, seperti ungkapan adatnya :

Kok alim hendakkan doanya  
Kok cerdas teman berunding  
Kok bodoh disuruh arah  
Kok kuat memikul beban  
Kok buta perhambus lesung  
Kok pekak membakar bedil  
Kok capek penghalau ayam  
Kok kayo hendakkan masnya.

Selain dari keadilan dan hak, adat perpatih tidak memandang rendah kepada setiap orang. Tuhan telah menjadikan insan ini menurut takdirnya, maka apa pun musibat yang menimpa seseorang itu ada belaka gunanya seperti ungkapan pepatah yang tersebut di atas.

Pantang tempat semenda pula diungkapkan:

Pelesit dua sekampung  
Sebatang enau dua sigai  
Kapal dua nakhoda.

Perbilangan ini bermaksud, seseorang orang semenda itu bila sudah berkahwin dalam suku atau waris yang berkenaan, ia tidak lagi diboleh atau dibenarkan berkahwin seorang lagi dari perempuan dalam suku atau waris tersebut, lebih-lebih lagi jika melakukan maksiat.

00013710

Sementara itu Ketua-Ketua Adat juga tidak boleh mempertahankan anak-anak buahnya (misalnya pihak wanita-wanita yang berkahwin dengan lelaki di luar Adat Papatih) sekiranya mereka itu bersalah. Sebagai Ketua Adat mereka mestilah mencari kebenaran bagi menyelesaikan sebarang persengkitaan kerana kata pepatahnya:

Menghukum adil berkata benar  
Tidak boleh berpihak-pihak  
Beruk di rimba disusukan  
Anak di pangku dicampakkan  
Hukum adil dijalankan  
Nan benar dianjak tidak.

#### Apakah Yang Dikatakan Adat

Banyak orang salah faham serta tidak memahami secara mendalam apakah yang dikatakan Adat Papatih itu sebenarnya. Salah faham ini bukanlah di kalangan rakyat biasa saja, malah di kalangan pemimpin-pemimpin juga. Mereka merasakan bahawa Adat Papatih ini adalah satu sistem hidup Orang Melayu yang



telah usang dan tidak seharusnya digunakan lagi.

Pepatah 'biar mati anak jangan mati adat' yang menjadi pegangan asas sistem hidup dalam masyarakat Adat Pepatih ini, sering disalah tafsirkan. Satu masa dulu dalam tahun 1946, Dato' Onn sendiri sebagai pemimpin ulung bangsa Melayu pernah menyuarakan sebaliknya 'biarlah mati adat jangan mati anak'.

Malah hingga sekarang ini pun masih ada pemimpin-pemimpin kita yang beranggapan demikian. Semua ini berlaku adalah disebabkan mereka kurang memahami apakah sebenarnya yang dikatakan adat itu, kerana selalunya mereka mengaitkan adat itu dari suatu nilai yang negatif.

Yang dikatakan adat itu terbahagi kepada 4 peringkat atau katogeri seperti dibawah ini:

1. Adat yang sebenar adat
2. Adat yang diadatkan
3. Adat yang teradat
4. Adat istiadat.

Orang-orang yang membuat tafsiran tentang nilai-nilai yang terdapat di dalam adat sehubungan dengan ungkapan 'biar mati anak jangan mati adat' itu, hanya melihat dari sudut katogeri yang ke 4 di atas.

Adat yang sebenarnya adat itu ialah, apa yang dikatakan undang-undang sekarang ini. Disebabkan waktu adat berkenaan dicipta sejak 500 tahun yang lalu mereka tidak tahu dan pandai menulis serta membaca, maka peraturan tersebut dipertuturkan secara lisan. Oleh itu seseorang yang bakal dilantik menjadi Tua Adat sama ada Buapak, Lembaga mahu pun Penghulu adalah wajib memahami adat ini.

Dalam hubungan ini bermakna orang yang dilantik menjadi Tua Adat adalah terdiri dari mereka yang matang serta masak dalam peraturan adat dan bukanlah sebarang orang yang boleh menyandang. Mereka semua diuji terlebih dahulu oleh anak-anak buahnya, dan setelah lulus ujian barulah mereka dilantik memegang jawatan berkenaan.

Kalau diibaratkan di zaman moden ini, adat yang dikatakan sebenar adat itu ialah, undang-undang yang telah diwartakan atau digezetkan. Semuanya telah dibincang oleh pembesar-pembesar adat serta anak buah masing-masing sebelum dipakai. Balai Besar tempat mereka membincangkan masalah adat ini samalah dengan Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri sekarang, cuma bentuk dan caranya saja yang berbeza.

Oleh itu adalah tidak manis bilamana kita terlalu terpesona dengan sistem perundangan dari barat, maka kita mentafsirkan sistem perundangan melalui adat ini sebagai usang dan lapuk. Sistem yang terdapat dalam adat ini sebenarnya tidak usang dan lapuk, sebaliknya pelaksanaan yang dijalankan oleh Tua

Adat yang tidak memahami adat itulah menyebabkan timbul keraguan dari kalangan orang yang di luar lingkungan Adat Papatih.

Ini pun tidaklah seharusnya dijadikan alasan. Misalnya kalau seseorang Islam melakukan perbuatan khurafat, tidaklah bermakna Islam itu tidak baik.

Adat yang diadatkan dan adat yang teradat, meskipun ada sedikit-sedikit perbezaan, tetapi ia dapat dikatakan sama maksud dan sama makna dan sifatnya. Adat yang diadatkan bererti adat yang telah menjadi pegangan dan warisan dari nenek moyang, misalnya adat-adat yang berunsurkan kehinduan masih kedapatan di kebanyakan kampung dan desa yang masih diamalkan oleh orang-orang kita.

Adat melenggang perut, mencukur anak yang menggunakan pucuk dan buah nyiur muda, mayang pinang dan seumpamanya dapat kita saksikan dalam upacara dan adat ini.

Begitu juga adat bersanding dalam perkahwinan sudah menjadi darah daging kita. Upacara seperti bersemah, tepung tawar, semua ini terlingkung dalam adat yang diadatkan dan adat yang teradat.

Pepatah 'biar mati anak jangan mati adat' ini tidak boleh disamakan dengan 'korban' orang-orang jahiliah untuk mendapatkan

perlindungan dari dewa-dewa, dengan kesanggupan mereka menyembelih anak masing-masing di kuil-kuil. Pepatah ini adalah lambang keadilan yang mesti dipertahankan:

Tak lekang dek panas  
Tak lapuk dek hujan  
Gemuk berpupuk segar bersiram  
Dianjak layu dicabut mati

Kalau lambang keadilan ini tidak dipertahankan akan berlakulah:

Kalau tak patah, tiat  
Kalau tak luka, congek  
Kalau ketulahan, tujuh tenggang hilang pesaka  
tujuh musim padi tak menjadi.

Keadilan tersebut bolehlah diibaratkan begini : katakan seseorang ayah yang menjadi Lembaga atau Penghulu hatta Raja sekalipun, mendapati anaknya sendiri melakukan kesalahan besar atau kecil yang boleh mengancam keselamatan negara, maka di sinilah lahirnya pepatah 'biar mati anak jangan mati adat itu' - yakni si ayah tadi mestilah menjalankan keadilan yang dituntut oleh adat.

Perkara 'mati' di sini bukanlah ertinya dihukum bunuh saja tetapi hukuman mesti dijalankan kepada siapa saja yang bersalah hatta yang terpaksa dihukum itu adalah anak kandung sendiri.

Inilah nilai keadilan dalam pemerintahan sistem Adat Pepatih supaya tidak berlaku:

Kena ke perut dikempiskan

Kena ke mata dipejamkan

Tersauk pada ikan suka

Tersauk bangkar masam muka.

Sistem keadilan ini sudah tentu sesuai di mana-mana pun negara di dunia ini.

Begitu halnya dengan katogeri yang kedua, adat yang diadatkan, dan yang ketiga, adat yang teradat. Manakala yang keempat, adat istiadat itu adalah menurut keputusan dan resam yang selalunya dipakai dalam perkara yang berhubung dengan adat istiadat seumpama nikah kahwin, adat di istana, mengadap raja dan yang terlengkong dalam seni budaya.

#### Pembahagian Pesaka

Dalam pembahagian harta pesaka sering terjadi pergaduhan dan pertelingkahan di antara anak-anak buah yang sepatutnya

mewarisi pesaka dari nenek dan ibu mereka. Kedatangan penjajah Inggeris telah merubah sama sekali undang-undang tanah, namun dalam undang-undang tersebut dalam Bab 128 ada dinyatakan pembahagian pesaka adalah mengikut Adat Papatih dan ia tidak disentuh dalam perubahan-perubahan pembahagian harta pesaka tersebut.

Adat Papatih telah menentukan bahawa anak buah adalah kepunyaan Buapak, Datuk Lembaga adalah pemegang amanah kepada waris dan tanah-tanah pesaka. Hubungan anak-anak buah dengan Buapak dan Lembaga sentiasa kait mengait dan amat rapat sekali.

Sebab itulah sebarang keputusan yang diambil dalam masyarakat Adat Papatih dimestikan mengikut aturan:

Bulat air kerana pembetung

Bulat kata kerana muafakat.

Tanah-tanah pesaka pula adalah kepunyaan waris. Bagi anak-anak buah yang duduk di tanah-tanah tersebut segala hasil mahsulnya adalah menjadi milik dan kepunyaan mereka sendiri. Tanah-tanah ini tidak boleh dijual beli atau dipajak digadai, melainkan setelah dipersetujui oleh Dato' Lembaganya sendiri.

Biasanya amat jarang berlaku tanah pesaka itu dijual kepada orang lain. Kalau dijual pun hanya kepada waris yang terdekat, dan

jika mereka tidak mampu atau enggan untuk membelinya maka barulah ditawarkan kepada waris yang hampir juga. Ia sama sekali tidak boleh dijual kepada suku yang lain, kerana waris sendiri adalah bertanggungjawab membuang malu dalam waris mereka seperti diadatkan:

Waris dekim harta nan bertuan  
Penyapu arang di muka  
Kalau tak sama berkoyak kulit  
Berkoyak baju pun padalah.

Bagaimanapun telah menjadi kelaziman masyarakat Adat Papatih tidak membiarkan waris kedimnya mendapat malu. Oleh itu mereka terpaksa membeli tanah-tanah pesaka berkenaan supaya tidak terlepas ke tangan orang lain, sekalipun terpaksa bergolok bergadaai. Kerana hubungan kekeluargaan mereka dijelaskan dalam ungkapan:

Mata putih dengan mata hitam  
Getah batang ke perdu juga  
Terbalik mata belum tentu mati  
Terbalik lidah, tergadaai sodo alahnya (semuanya).

'Mata hitam dengan mata putih' itu menggambarkan waris yang paling dekat sekali, manakala dengan waris jauh pula disebut 'getah batang dengan getah daun'. Sementara 'terbalik lidah dengan terbalik mata' itu adalah membawa erti mendapat malu sama ada besar mahu pun kecil.

Ketika Inggeris belum mencampuri pentadbiran di Negeri Sembilan tanah-tanah pesaka ini tidak ada geran atau hakmilik seperti sekarang. Ia diamanahkan kepada waris perempuan. Tidak pula ada halangan bagi waris lelaki untuk mengambil hasil dari tanah pesaka ibunya seperti padi, buah-buahan dan sebagainya. Pada waktu itu tidak ada batu sempadan yang menentukan hak di antara seorang pemilik dengan yang lain.

Sempadan yang biasa dibuat ialah seperti pokok buah-buahan atau lain-lain. Itu sahajalah yang menentukan sempadan di antara seorang pemilik dengan pemilik yang lain. Manakala hak saudara lelaki dengan saudara perempuan ditetapkan pula:

Pesaka pada lelaki

Seka kepada perempuan

Yang menyandang pesaka lelaki

Yang mengandung pesaka perempuan.

Ketika ini tidak pernah kita mendengar adanya pertelingkahan yang berlaku di antara mereka adik beradik dalam merebut tanah pesaka seperti yang sering berlaku sekarang.

Bila kerajaan Inggeris melaksanakan undang-undang dan peraturan pemilik tanah, maka ditanamkan batu sempadan dan dikeluarkanlah geran atau hakmilik (title) kepada pemilik-pemilik. Kerana telah ditentukan menurut Adat Papatih yang memiliki harta



pesaka itu ialah waris perempuan, maka ditulislah nama dalam geran itu waris perempuan, meskipun yang lelaki tetap berhak memakan hasil dari tanam-tanaman di tanah pesaka tersebut.

Oleh kerana keadaan telah berubah maka sekarang ini pernah berlaku walaupun tidak besar jumlahnya, jika tanah pesaka yang dimiliki oleh waris perempuan itu namanya dalam geran tersebut maka timbullah sebanyak sedikit pertikaian yang melibatkan juga hukum-hukum syarak.

Dalam perbilangan ada menyebutkan:

Adat bersendikan hukum

Hukum bersendikan kitabullah

Syarak mengata adat mengikut.

Maka dalam memiliki tanah pesaka yang hanya nama perempuan sahaja sedangkan nama lelaki tidak, meskipun di dalam adat yang lelaki juga mempunyai hak yang sama, tetapi oleh kerana perubahan-perubahan yang berlaku maka perasaan tamak haloba telah menguasai pemikiran setengah-setengah pihak. Maka di sini dapatlah kita lihat beberapa pertikaian dalam merebutkan milik tanah pesaka telah timbul perkara-perkara yang membawa kekeruhan dan kecacatan dalam kemurnian Adat Papatih itu.

Kadangkala terdapat pula suami saudara perempuan waris berkenaan cuba campur tangan mengenai harta pesaka, yang kononnya di dalam Islam si isteri adalah kepunyaan suami, maka sekaliigus harta pesaka isteri juga mahu dibolot oleh sisuami tadi. Akibatnya timbullah pertelingkahan, kerana perbuatan demikian tentulah tidak disenangi oleh saudara lelakinya.

Sebab itulah dalam Adat Papatih ditetapkan bahawa suami saudara perempuan sesuatu waris itu sebagai 'orang semenda'. Orang semenda ini tidak dibenarkan mencampuri sebarang masalah yang berkait dengan harta pesaka.

Ini tidak bermakna 'orang semenda' tadi kedudukannya sama seperti 'melukut di tepi gantang', tetapi semata-mata tidak boleh mencampuri sebarang urusan dalam keluarga isterinya kecuali bila diminta oleh keluarga isterinya yang dikenali dalam adat sebagai 'tempat semenda'.

Semua pertelingkahan yang berlaku dalam masyarakat Adat Papatih selama ini adalah disebabkan sistem pentadbiran Adat Papatih itu tidak dipakai lagi. Malah sistem pentadbiran Inggeris telah dikuatkuasakan sehingga menjadikan ianya satu dilemma yang seharusnya dicari penyelesaian segera.

Dalam hubungan ini tidak seharusnya kita menilai perbilangan itu dari pandangan yang negatif, kerana adat itu sendiri telah mengatakan: 'ibu adat muafakat'. Maksudnya, sesuatu adat yang diamalkan tidak boleh dipinda atau diubah, malah perubahan-perubahan itu harus sesuai dengan keadaan masa dan waktunya - maka itulah yang dikatakan 'ibu adat muafakat'.

Malah setiap peraturan adat adalah dimestikan tidak tergelincir dari landasan agama kerana: adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah.

Dalam menjalankan tanggungjawab memelihara kemurnian adat ini, setiap Tua Waris adalah menjadi payung yang melindungi sebarang masalah dalam warisnya. Tanggungjawab Tua Waris terhadap anak-anak buah amat jelas diungkapkan:

Hanyut berpintas, hilang mencari  
Terapung dikait, terbenam berselami  
Siang dilihat-lihat, malam didengar-dengar  
Lupa beringatkan, terlelap dijagakan  
Senteng berbilai, kurang bertukuk (bertambah)  
Panjang dikerat, singkat bersambung  
Jauh dirindui, dekat diulangi.

### Rezeki Secupak Tak Jadi Segantang

Satu lagi perbilangan yang menjadi kontrovesi di kalangan orang ramai ialah apa yang disebutkan: 'Rezeki secupak tak akan jadi segantang'. Kerana perbilangan ini berasal dari pepatah petiti Adat Papatih, saya merasakan ada baiknya ia kita bincangkan juga di sini supaya satu kesimpulan mengenainya dapat diambil.

Perbilangan di atas, jika kita tidak memahami secara mendalam, ia merupakan satu perbilangan yang telah lapuk, basi dan memundurkan semangat orang ramai untuk mengejar kemajuan di zaman yang serba mencabar ini.

Sepintas lalu jika kita andaikan, pandangan sebahagian besar orang ramai nyatalah ada benarnya. Ia boleh memundurkan semangat dan melemahkan fikiran kita untuk bekerja keras bagi mengejar kemajuan, kerana:

Jika rezeki sudah secupak,  
masakan ia bertambah jadi segantang.

Di sinilah penganalisaan harus kita buat dengan semasak-masak dan seteliti-telitinya supaya anggapan umum yang amat negatif ini dapat diperbetulkan.

Bagi saya pepatah dan perbilangan ini sedikit pun tidak salah, tidak lapuk atau basi, malah tidak memundurkan semangat.

Cuba kita renungkan sejenak perkara yang saya utarakan di bawah ini:-

Ada tiga perkara bagi setiap insan di dunia ini yang ia sendiri sama sekali tidak mengetahuinya, kecuali Allah s.w.t. saja, iaitu:

1. Rezeki
2. Jodoh pertemuan
3. Ajal dan maut.

Berapa banyak rezeki yang akan kita dapat, siapa dan di manakah jodoh pertemuan kita, dan berapa lamakah kita serta bila kita akan mati, tidak seorang pun yang mengetahuinya.

Oleh itu pepatah yang diciptakan 'rezeki secupak tidak akan jadi segantang' itu adalah berdasarkan hakikat bahawa, setiap manusia mesti berusaha dan berikhtiar dengan menggunakan akal fikiran yang dikurniakan Allah untuk mencari rezeki di dunia ini, kerana kita sendiri tidak mengetahui sebanyak mana rezeki kita.

Setelah kita berusaha bersungguh-sungguh dan berikhtiar, maka rezeki yang kita perolehi hanya dapat, katakanlah 10 ribu atau seberapa tahun, maka barulah pepatah tadi dipakai.

Sebaliknya selagi kita tidak bekerja bersungguh-sungguh dan berusaha, berpeluk tubuh, mamangu tangan sambil berkata 'rezeki secupak tak akan jadi segantang', maka anggapan demikian amatlah salah dan ia tidak sedikit pun berkaitan dengan pepatah tadi.

Begitu juga rezeki seseorang itu tidak semestinya tetap, sehari-hari dan setahun. Kadang-kadang ia bertambah dan kemungkinan juga ia akan kurang.

Setelah kita menggunakan sepenuh tenaga, akal dan fikiran dan setelah berusaha bersungguh-sungguh, maka rezeki kita tahun itu hanya mendapat sekian saja, maka barulah ini dipakai dan kita gunakan, iaitu 'kalau secupak memang ia tidak akan jadi segantang'.

Tetapi sebelum itu bukan pada tempatnya digunakan kerana, sebanyak mana rezeki kita hanya Tuhan saja yang mengetahuinya. Oleh itu pepatah dan perbilangan ini sedikit pun tidak salah atau sudah basi dan sudah lapuk - yang salah, cuma kita saja mentafsirkannya cara yang negatif dan tidak dikaji secara mendalam.

Lebih dari itu, dari pepatah tersebut sebenarnya terjelma konsep ekonomi dalam Adat Pepatih. Rezeki adalah sumber ekonomi yang diperlukan dalam hidup manusia, manakala secupak itu adalah pengagihan ekonomi. Jadi apabila

pendapatan kita hanya secukup, maka tidak wajarlah pula kita berbelanja sampai segantang.

Mengenai konsep ekonomi ini, Adat Papatih lebih menumpukan kepada pertanian yang katanya:

Sawah sejajar diagih berlopak  
Ladang berbidang diagih berompok  
Tanah na sebidang diagih bermilik.

#### Kepimpinan dalam Masyarakat

Satu perkara yang unik dalam percaturan sistem pentadbiran Adat Papatih ialah bagaimana mereka menyusun masyarakatnya ke arah perpaduan dengan peraturan yang sangat menarik. Ia dapat dianggap sebagai satu susunan pentadbiran yang sangat cekap, berdisiplin dan teratur.

Dalam pepatahnya ada menyebutkan:

Tiga tungku sejarangan  
Tiga tali sepilinan.

Ini menggambarkan kepimpinan di antara tiga golongan yang berpengaruh dalam masyarakat:

1. Golongan Datuk-Datuk Lembaga dan Penghulu
2. Golongan alim ulamak
3. Golongan cerdik pandai.

Jika tiga golongan ini bersatu dalam kepimpinan maka seluruh masyarakat yang dipimpinnya iaitu, rakyat atau anak-anak buahnya, tidak lagi akan mempersoalkan buruk baiknya tadbiran kepimpinannya kerana, ketiga-tiga golongan ini telah bersatu dan bolehlah dianggap orang-orang cerdik pandai dalam masyarakat tersebut. Ertinya sebarang keputusan yang diambil sudah menepati kata pepatahnya:

Bulat boleh digolekkan

Pepeh boleh dilayangkan.

Bidalan yang disebutkan 'Tiga tungku sejarangan, tiga tali sepilinan' amat tepat sekali dengan maksud tersebut. Kalau kita membuat tungku dengan dua buah batu saja bererti tidak dapat dijerangkan apa-apa pun seumpama kualiti, periuk dan sebagainya, melainkan setiap tungku mestilah tiga.

Begitulah juga halnya dengan tali, kalau dua lapis atau dua pilinan sahaja ataupun hanya satu lapis, maka ia tentulah tidak kukuh. Tetapi jika pilinan itu tiga, maka bererti tali itu menjadi kuat dan tidak mudah diputuskan oleh sesiapa.



Maka begitulah diibaratkan kepada bidalan yang diciptakan oleh Datuk Papatih dan Ketemenggungan dalam mengatur susunan adat dan masyarakat. Saya kira tidak ada seorang pun yang dapat menyalahkan bidalan yang dibuat ini berdasarkan kenyataan yang kita saksikan sendiri.

Kalau dalam percaturan Adat Papatih di Negeri Sembilan Dato'-Dato' Lembaga dan Penghulu-Penghulu adalah orang-orang yang boleh dianggap orang-orang politik yang dapat disamakan sebagai wakil rakyat sekarang ini.

Dato'-Dato' Lembaga dan Penghulu-Penghululah yang menjadi orang-orang harapan dan wakil raja yang memerintah. Dato' Penghulu adalah memerintah Luak, satu kawasan yang dapat disamakan sekarang ini dengan daerah. Di bawahnya Dato'-Dato' Lembaga yang memegang suku atau waris, manakala Buapak pula memegang kuasa ke atas anak-anak buah atau rakyat.

Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Dato'-Dato' Lembaga seperti di Negeri Sembilan maka wakil rakyat itulah yang dapat dianggap sebagai Dato' Lembaganya, kerana merekalah yang memegang kuasa politik dan kepimpinan dalam kawasan masing-masing. Bagi Negeri Sembilan pula wakil-wakil rakyat boleh dimasukkan dalam katogori cerdik pandai.

Peranan alim ulamak pula tidak payah saya jelaskan di sini bagaimana pengaruh orang-orang alim dalam masyarakat orang-orang Melayu. Sejak dari dulu hingga sekarang ini agak jelas, kerana itu peranan alim ulamak dalam susunan kepimpinan tidak boleh diketepikan begitu saja.

Golongan cerdik pandai pula sudah jelas bagi kita dalam satu-satu kampung atau tempat sudah tentu ada orang cerdik pandai yang dapat memberikan buah fikiran atau tenaga dalam susunan pentadbiran. Jika orang-orang cerdik pandai ini diketepikan sudah tentu mereka boleh mempengaruhi orang ramai kerana kebijaksanaan sama ada dalam tutur kata mahu pun dalam tindakan.

Jika tiga golongan yang tersebut tadi menjadi satu tenaga sebagai tiga buah tungku atau tiga utas tali dipilin menjadi satu, pastilah masyarakat dapat menerima kepimpinan ketiga-tiga golongan yang tersebut dan tentunya keharmonian dan kesejahteraan rakyat dapat diatur dengan sebaik-baiknya.

Golongan pemimpin ini pula tidak boleh dibiarkan 'beraja di hati bersultan di mata', kerana mereka mempunyai tanggungjawab yang ditetapkan oleh adat:

Terjun di langit ditampung

Memusat di bumi dipijak

Salah kepada Tuhan minta taubat

Salah kepada manusia minta maaf

Kesudahan adat ke balairung

Kesudahan dunia ke akhirat.

### Kesimpulan

I. Kesimpulan dari kertas yang ringkas ini dapat dibahagikan kepada :

1. Biar mati anak jangan mati adat
2. Rezeki secupak tak kan jadi segantang.

Dua pepatah dan bidalan di atas telah dianggap oleh kebanyakan orang sebagai bidalan yang telah lapuk, usang dan basi, ia tidak sesuai lagi dengan zaman kemajuan ini.

Dengan penjelasan ringkas yang dapat saya paparkan di atas diharap akan dapat menghilangkan keraguan dan persoalan yang selama ini masih belum berjawab.

### II. Pembahagian Harta Pesaka

Dengan perubahan dan undang-undang tanah yang dilakukan oleh penjajah Inggeris dulu, sistem memiliki harta pesaka seperti yang terkandung dalam Adat Papatih telah bertukar sama sekali.

Apa yang diharapkan pemegang-pemegang teraju adat di Negeri Sembilan supaya menilai semula pembahagian harta pesaka ini sesuai atau tidak seperti perbilangan.

Adat bersendi hukum

Hukum bersendi kitabullah

Syarak mengata adat mengikat

Aiim ulamak juga harus memainkan peranan memberikan dukungan dan kerjasama dalam hal yang penting ini, semoga ia dapat diselesaikan dengan memuaskan bagi semua pihak.

### III. Nilai dan Falsafah

Adat Papatih telah diciptakan oleh Dato' Papatih dan Ketemenggongan 500 tahun dahulu adalah satu adat yang murni, tersusun rapi dengan pepatah petiti yang amat indah untaian kata-katanya dan tidak terdapat di daerah lain di Nusantara.

Ungkapan, tiga tali sepilinan, tiga tungku sejerangan dan beratus-ratus malah mungkin ribuan lagi seumpamanya adalah sukar untuk dicari kesilapannya. Penulis, pengarang dan sasterawan kita dan cerdik pandai cendiakawan belum dapat mencipta rangkaian pepatah

petitih seperti yang telah dicipta oleh Dato'  
Pepatih dan Ketemenggongan 500 tahun dahulu itu.  
Inilah keistimewaannya.

Cuba amat-amati untaian kata-kata di bawah ini bagaimana  
tingginya nilai dan falsafahnya dan sama-sama kita hayati  
maksud dan ertinya :

Penakek pisau seraut  
Ambil galah batang lintubong  
Selodang ambil kenyiru  
Nan setiti jadikan laut  
Nan sekepal jadikan gunung  
Alam terkembang jadikan guru.